

Sistem pendidikan terus diperkasa

Kerajaan pastikan rakyat mendapat pendidikan berkualiti, cemerlang

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan terus melaksanakan penambahbaikan kepada sistem pendidikan negara bagi memastikan rakyat mendapat pendidikan berkualiti, seterusnya cemerlang pada peringkat pengajian tinggi.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata negara tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian hebat masa lalu kerana generasi muda hari ini perlu dipersiapkan untuk menghadapi cabaran baru pada masa depan.

“Asas kuat kita dalam menyediakan pendidikan rendah dan menengah memberi kelebihan kepada kita menyediakan belia yang cemerlang pada peringkat pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Kita adalah kita pada hari ini hasil sistem pendidikan yang diterima ketika muda.

“Inilah sebabnya baru-baru ini saya mengumumkan kajian komprehensif kepada sistem pendidikan. Kita perlu melihat semula pelbagai aspek dan menambah baik sistem ini kerana kita mahu ia menghasilkan sumber manusia yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi serta mampu menggunakan negara ke fasa pembangunan ekonomi seterusnya.

“Menyedari matlamat ini, kita perlu memanfaatkan kekuatan sedia ada dan belajar daripada sistem pendidikan terbaik di dunia bagi memastikan kita memberikan yang terbaik,” katanya pada Majlis Makan Malam Sambutan Ulang Tahun Alumni Universiti Amerika Malay-



ABDUL AZIZ meniuip lilin pada Majlis Makan Malam Sambutan Ulang Tahun AUAM Ke-35 sambil diperhatikan Muhyiddin di ibu negara, malam tadi.

sia (AUAM) Ke-35 di sini, malam tadi.

Pada majlis itu, Muhyiddin menerima pengiktirafan Anugerah Penghormatan Khas atas sumbangan beliau dalam bidang pendidikan negara.

Muhyiddin turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan AUAM kepada lima tokoh korporat termasuk bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff; Pengerusi Top Glove Berhad, Tan Sri Lim Wee Chai; Pengarah Urusan Kumpulan Proton Holdings, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Building Society Berhad (MBSB), Datuk Ahmad Zaini Othman dan Pengarah Eksekutif



Asas kuat kita dalam menyediakan pendidikan rendah dan menengah memberi kelebihan kepada kita menyediakan belia yang cemerlang pada peringkat pengajian tinggi tempatan dan luar negara

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri

Kumpulan Tomei Consolidated Berhad, Ng Yih Chen.

Turut hadir Presiden AUAM, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, Amerika Syarikat adalah antara negara yang sentiasa menyediakan pendidikan terbaik kepada rakyat Malaysia dan graduan yang pulang berjaya dalam bidang profesional, seterusnya memberikan impak besar kepada negara.

“Kita percaya transformasi negara di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan membuahkan hasil pada masa depan daripada semua usaha yang sedang rancak dilaksanakan pada masa ini,” katanya.